

Artikel

Pengajian Agama di Masjid: Ritualisme dan Cabaran Modernisasi Sekular di Malaysia
(*Religious Education in Mosques: Ritualism and the Challenges of Secular Modernization in-Malaysia*)

Kharunna'im Ramli¹, Azmi Aziz* & Arena Che Kassim

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia,

* Pengarang Koresponden: abaz@ukm.edu.my

Diserah: 03 September 2025

Diterima: 10 November 2025

Abstrak Isu utama kajian ini ialah dominasi subjek ritual dan *fardu ain* dalam subjek pengajian agama di masjid, sedangkan subjek berkaitan isu semasa dan kontemporari kurang diberi perhatian. Fenomena ini dikaitkan dengan kesan pertembungan epistemologi antara agama dan sekularisme yang mewarisi falsafah modenisasi Barat, sehingga agama cenderung terpinggir ke ruang privasi dan simbolik. Objektif kajian adalah untuk menilai pengaruh epistemologi sekularisme terhadap struktur subjek pengajian agama di masjid bandar, mengenal pasti dominasi subjek tradisional berbanding kontemporari, dan mencadangkan model kurikulum yang seimbang antara tradisi dan realiti semasa. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti taburan subjek pengajian agama yang dipaparkan dalam jadual pengajian masjid bandar dan mudah diakses oleh masyarakat. Analisis dilakukan terhadap kategori subjek, kekerapan, dan kecenderungan tema pengajian. Hasil kajian menunjukkan pengajian agama di masjid lebih tertumpu kepada subjek asas dan ritual, manakala pengajian kontemporari yang menyentuh isu sosial, ekonomi, dan cabaran moden masih kurang diberi perhatian. Implikasi kajian ini menekankan keperluan pengurusan hal ehwal Islam memperkukuh subjek pengajian agama yang lebih seimbang, agar peranan agama dapat diperkasa dalam ruang awam dan tidak terpinggir dalam realiti masyarakat moden yang berdepan cabaran sekularisme dan modenisasi.

Kata kunci: Agama; ritual; modenisasi; sekular; epistemologi.

Abstract: The main issue addressed in this study is the dominance of ritual and *fardu ain* subjects in mosque-based religious education syllabi, while subjects related to contemporary and current issues receive limited attention. This phenomenon is linked to the epistemological clash between religion and secularism, inherited from Western modernization, which tends to confine religion to private and symbolic spaces. The objective of this study is to assess the influence of secular epistemology on the structure of mosque-based religious education syllabi in urban areas, identify the dominance of traditional subjects over contemporary ones, and propose a curriculum model that balances tradition with current realities. The methodology adopts a qualitative approach by examining the distribution of religious subjects displayed in mosque study schedules that are publicly accessible. The analysis focuses on subject categories, frequency, and thematic tendencies. The findings reveal that mosque-based religious education primarily emphasizes basic and ritual subjects, while contemporary studies addressing social, economic, and modern challenges remain underrepresented. The implications of this study highlight the need for Islamic affairs management to strengthen a more balanced syllabus for mosque-based religious education, ensuring that religion maintains its role in the public sphere

and does not become marginalized within the confines of private and ritual spaces in the context of modern society facing secular and modernization challenges.

Keywords: Religion; modernization; secularism; epistemology; ritualistic

Pengenalan

Kajian ini meneliti subjek pengajian agama di masjid bandar terpilih, yang didapati lebih menekankan subjek ritual dan fardu ain, sedangkan subjek berkaitan isu semasa dan kontemporari kurang diberi perhatian. Fenomena ini tidak boleh dipisahkan daripada kesan modenisasi dan sekularisme yang telah mengheret agama ke ruang sempit bersifat privasi. Justeru, pengurusan hal ehwal Islam perlu lebih cakna terhadap cabaran ini. Artikel ini bertujuan menilai semula pendekatan sedia ada dan mengemukakan cadangan agar subjek pengajian agama di masjid lebih seimbang antara tradisi dan kontemporari.

Malaysia mewarisi dua tradisi keilmuan yang berbeza: warisan ajaran Islam dan falsafah sekularisme peninggalan penjajah. Kedua-dua arus intelektual ini telah mencetuskan pertembungan epistemologi yang mendalam, menepati gagasan *The Clash of Civilizations* oleh Huntington (1996). Tidak dinafikan, Islam merupakan asas pembentukan identiti bangsa Melayu yang menjadi majoriti masyarakat negara ini, malah diiktiraf sebagai agama Persekutuan dengan kedudukan istimewa dalam Perlembagaan. Namun, kerangka Perlembagaan itu sendiri dibina berteraskan idea sekularisme, buah tangan penjajah (Aziz, 2016). Maka, kefahaman hidup beragama sedikit sebanyak “bersulam” (*Islam ambedded*) dengan kefahaman bernegara yang berakar daripada sekularisme (Shamsul, 2005).

Adakah Islam mampu diamalkan secara menyeluruh, atau terpaksa berhadapan dengan ketirisan akibat tekanan epistemologi sekular dan agama lebih sesuai berada dalam lingkaran privasi, sekadar simbol, bukan sebagai penentu kebenaran dan keabsahan. Kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan, menggabungkan dua epistemologi telah dan akan menjadi cabaran getir kepada pengurusan hal ehwal Islam. Walaupun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi, tatpi sistem pentadbiran negara kekal berorientasikan agenda sekular dan modenisasi Barat (Shamsul & Aziz, 2004; Aziz, 2016). Akibatnya, pengamalan agama menjadi terpilih (*selective*), hanya menekankan aspek tertentu daripada keseluruhan ajaran Islam.

Persoalan utama ialah, adakah epistemologi sekularisme turut mempengaruhi program pengajian agama di masjid? Adakah pemilihan subjek lebih tertumpu kepada pengajian tradisional dan ritual seperti kelas fardu ain, sedangkan pengajian berkaitan isu semasa dan kontemporari kurang diberi perhatian? Pemerhatian terhadap jadual pengajian menunjukkan dominasi subjek fardu ain yang menekankan kewajipan individu, berbanding pengajian yang mengupas realiti sosial dan cabaran moden. Dualisme epistemologi agama dan sekularisme sudah tentu mencetuskan persaingan untuk menguasai ruang awam.

Kajian ini memfokuskan kepada analisis jadual pengajian agama di masjid bandar. Apakah bentuk subjek yang dominan? Sejauh mana subjek kontemporari diberi perhatian? Apakah model kurikulum yang sesuai untuk menyeimbangkan antara tradisi dan kontemporari? Adakah pengaruh epistemologi sekularisme yang berakar daripada revolusi industri dan pemikiran moden Barat turut mencabar fungsi agama dalam masyarakat (Aziz, 2016)? Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengurusan subjek pengajian agama di masjid bandar agar lebih seimbang, sekaligus memperkukuh peranan agama dalam ruang awam. Artikel ini juga menyoroti peranan pengurusan hal ehwal Islam dalam menghadapi cabaran modenisasi sebagai produk utama sekularisme dalam era Malaysia moden. Usaha ini bertujuan mengangkat peranan agama agar lebih realistik dalam ruang awam, supaya tidak terpinggir dalam ruang sempit privasi dan ritual semata-mata.

Sorotan Literatur

Pengkaji menyoroti tulisan Hefner (2016) dan Fawcett (2014) yang menekankan keperluan pendidikan Islam yang relevan dengan cabaran moden. Kajian ini menyarankan agar masjid bandar memperluas subjek pengajian kepada tema kontemporari dan tidak terhad kepada ritual semata-mata.

Demikian juga, bagaimana cabaran modenisasi terhadap pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Zulkiple et al. (2023) menghuraikan struktur institusi seperti JAKIM dan JAIN serta peranan mereka dalam

konteks negara moden. Al-Attas (1993) pula menekankan sekularisme sebagai penjajahan pemikiran yang memisahkan ilmu daripada adab dan nilai. Al-Qaradawi (1996) menyarankan agar agamawan memahami perbezaan antara Islam dan *turath* dalam mendepani cabaran moden. Talal Asad (2003) dan Hallaq (2013) mengkritik ketidakserasian negara moden dengan prinsip Islam. Shamsul (2015) dan Aziz (2016) membincangkan identiti agama dalam masyarakat majmuk dan kesan sekularisme pascakolonial.

Robert Hefner (2016) seorang pengkaji pondok dan madrasah di Asia Tenggara, menolak tanggapan negatif terhadap institusi pendidikan Islam tradisional dan menegaskan peranannya dalam pembangunan sosial, beliau juga menolak tanggapan bahawa institusi tradisional ini melahirkan radikalisme. Sebaliknya, beliau menunjukkan bahawa institusi ini berperanan penting dalam pembangunan sosial dan keagamaan, dan para lepasan institusi ini menjadi pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab. Tuntasnya, berdasarkan kepada Hefner institusi masjid perlu menjadi pusat pembangunan sosial dan menolak radikalisme.

Kajian ini turut mengambil kira pandangan Huntington (1996), Fox (2015), dan Fawcett (2014) tentang pertembungan nilai antara Islam dan Barat. Fenomena ini mencerminkan pertembungan epistemologi antara agama dan sekularisme, sebagaimana yang diuraikan oleh Samuel Huntington (1996) dalam *The Clash of Civilizations*, yang menekankan bahawa konflik antara Islam dan Barat berpunca daripada perbezaan nilai yang mendalam. Dalam konteks Malaysia, pertembungan ini menjadi cabaran besar kepada agamawan dalam menguruskan hal ehwal Islam secara relevan dan strategik.

Fox (2015) berhujah bahawa pengurusan agama dalam negara moden memerlukan pendekatan yang saling mengadaptasi dan kontekstual, kerana hubungan antara agama dan sekularisme tidak boleh diurus secara statik. Fawcett (2014) pula menekankan bahawa walaupun liberalisme politik memberi ruang kepada kepelbagaian agama, ia tetap beroperasi dalam kerangka sekular Barat yang berpotensi mengehadkan wacana keagamaan dalam ruang awam. Sementara itu, Shamsul (2005) menegaskan bahawa Malaysia sering dijadikan model oleh negara lain kerana kejayaannya menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik dalam masyarakat majmuk, sekali gus memperlihatkan interaksi dinamik antara institusi Islam dan sistem negara moden yang berorientasikan sekularisme.

Ketiga-tiga pandangan ini menunjukkan bahawa pengurusan agama dalam konteks negara moden memerlukan teori pengimbangan (*balancing theory*) antara kehendak agama dan tuntutan sekularisme. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan prinsip agama, tetapi juga memastikan ia relevan dan berfungsi dalam realiti sosial, politik, dan ekonomi semasa.

Dalam memperkukuh peranan pengurusan hal ehwal Islam agar lebih peka dalam era Malaysia moden, pengkaji meneliti huraian tentang modenisasi dan pertembungan epistemologi agama-sekular. Huntington (1996) menjelaskan bahawa pertembungan peradaban antara Islam dan Barat didorong oleh perbezaan nilai yang mendalam, menjadikan isu ini cabaran besar kepada agamawan dalam mengurus hal ehwal Islam. Sejalan dengan itu, Fox (2015) menekankan bagaimana negara-negara moden menangani hubungan antara agama dan sekularisme, yang memerlukan pendekatan saling mengadaptasi dan kontekstual.

Fawcett (2014) melalui perbincangan tentang liberalisme politik yang merupakan buah tangan modenisasi, menyatakan bahawa walaupun sistem liberal memberi ruang kepada kepelbagaian agama, ia tetap beroperasi dalam kerangka sekular Barat yang berpotensi mengehadkan wacana keagamaan. Ketiga-tiga pandangan ini memperlihatkan bahawa pengurusan agama dalam konteks negara moden tidak boleh bersifat statik, sebaliknya memerlukan “teori pengimbangan” antara tuntutan agama dan kehendak sekularisme agar peranan agama kekal relevan dalam ruang awam.

Kesemua perbincangan rujukan di atas perlu difahami oleh golongan agamawan dan dijadikan asas kepada pengajian agama di masjid. Subjek-subjek pengajian tidak seharusnya terbatas kepada keperluan peribadi seperti fardu ain semata-mata, tetapi perlu merangkumi isu-isu semasa yang berkaitan dengan cabaran modenisasi dan pertembungan epistemologi agar masyarakat lebih bersedia menghadapi realiti Malaysia moden.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif *exploratory* yang tidak bergantung kepada penomboran seperti matematik, statistik atau bukti-bukti empirikal untuk membuat rumusan Fuad Mohamed

Berawi (2017) dalam Siti Syafira (2025). Pengkaji merujuk kepada panduan analisis tematik oleh Saldaña (2016) untuk meneliti taburan subjek pengajian agama di masjid bandar, untuk mengungkap makna tersirat di sebalik struktur subjek pengajian, serta menilai kecenderungan tematik yang wujud dalam konteks cabaran modenisasi dan sekularisasi. Kaedah ini berasaskan kajian subjek-subjek pengajian agama menggunakan kaedah analisis pengekodan (kod) dan klasifikasi melalui analisis tematik jadual pengajian agama melalui tema-tema yang dominan dalam pola pengajaran, serta peranan masjid dalam menjelaskan isu semasa dan wacana kontemporari Islam.

Menurut Saldaña (2021), pengekodan awal berperanan sebagai satu pendekatan untuk meringkaskan segmen data yang diperoleh secara kualitatif, khususnya pada peringkat awal analisis. Seterusnya, pengekodan corak (*pattern coding*) digunakan untuk mengelompokkan hasil ringkasan tersebut ke dalam kategori, tema, atau konstruktif yang lebih besar dan bermakna. Pendekatan ini dianggap setara dengan kaedah analisis kelompok (*cluster analysis*) dan analisis faktor (*factor analysis*).

Pengekodan corak berfungsi sebagai kod penjelasan (*explanatory code*), yang mengenal pasti tema, konfigurasi, atau naratif yang berulang dalam data. Kod ini mengorganisasikan data yang kompleks menjadi unit-unit makna yang lebih ringkas, dikenali sebagai meta-kod. Maria Lungu (2022) menegaskan kekuatan utama pendekatan Saldaña ialah penyediaan pelbagai teknik pengekodan yang fleksibel dan komprehensif yang membolehkan penyelidik memilih strategi yang paling sesuai dengan konteks kajian. Kaedah ini merangkumi teknik pengekodan (*coding*) terbuka, aksial dan selektif, proses klasifikasi dan membina kategori induktif/deduktif, peta konsep dan naratif analisis tematik.

Dalam kajian ini, analisis subjek-subjek pengajian agama di masjid dilakukan melalui fasa pengekodan bertahap. Pertama, *Open Coding* iaitu mengenal pasti tajuk subjek secara terbuka. Kedua *Axial Coding* iaitu mengelompokkan tajuk subjek kepada tema dominan. Ketiga *Selective Coding* iaitu menetapkan kod akhir berdasarkan dua kategori utama, iaitu dengan mewujudkan Kod Tradisional dan Kod Kontemporari.

Sebagai contoh pengekodan, Tajuk kuliah 'Fiqh Muamalat Kontemporari' diletakkan dalam kategori Kod K2 (Kod Kontemporari no.2), manakala tajuk kuliah bagi Kitab '*Riyadh us Solihin*' ke dalam kategori Kod T1 (Kod Tradisional no.1), dan begitulah seterusnya. Data yang digunakan adalah data awam, tiada data peribadi atau sensitif digunakan. Kajian ini hanya menganalisis jadual subjek-subjek yang ditawarkan melalui pengajian agama sahaja dan bukan kandungan sebenar kuliah. Oleh itu, interpretasi adalah berdasarkan subjek dan tajuk pengajian yang dinyatakan secara rasmi oleh pihak masjid.

1. Pemilihan Kawasan Kajian

Pilihan kawasan kajian ialah di sekitar Kuala Lumpur, di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MWP), Masjid Abu Bakar As-Siddiq (MSAB) di Bangsar, Masjid Sayidina Umar al-Khattab (MASUA) dan Masjid Taqwa di Taman Tun Dr. Ismail, Damansara. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dari tahun 2022 hingga 2024 yang bertanggungjawab menyelia seluruh masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan.

Keempat-empat masjid tersebut dikategorikan sebagai masjid gred A di Wilayah Persekutuan kerana pengurusan dan pentadbirannya yang cemerlang dan sentiasa mendapat sokongan padu daripada ahli kariah masing-masing. Masjid-masjid ini terletak berhampiran Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia yang digelar sebagai Wilayah Perbandaran Mega (Shaharudin et al., 2013), sebuah bandar kosmopolitan yang penting dari segi perdagangan dan ekonomi, dengan pertumbuhan penduduk yang kekal pesat walaupun pusat pentadbiran kerajaan telah berpindah ke Putrajaya (Junaidi et al., 2014) sudah tentu turut memberi kesan terhadap cara berfikir masyarakat kota.

Pengkaji turut mendapat bantuan dan sokongan maklumat tambahan daripada Ustaz Mohd Faizul bin Razali, Pegawai Tadbir Agama (PTA) Zon 6, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, yang juga pegawai yang bertanggungjawab menyelia dan memantau Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Masjid Taqwa dan Masjid Saidina Abu Bakar di peringkat Zon. Maklumat juga di dapati daripada Ustaz Zakaria bin Yahya, Naqib dan Imam Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar. Manakala Masjid Wilayah Persekutuan ialah masjid yang ditadbir terus oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Menurut beliau kelompok komuniti di sekitar keempat-empat masjid, umumnya terdiri daripada kelompok korporat dan profesional berpendapatan tinggi sebagai komuniti urban kelas menengah atas yang berpendidikan tinggi dan aktif dalam sektor perniagaan. Walau bagaimana pun, terdapat sedikit dengan peratusan rendah golongan rendah mewarnai komuniti dan jemaah Masjid Saidina Abu Bakar As-Sidiq, Bangsar. Kesemua masjid ini bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, tetapi turut mencerminkan status sosioekonomi dan tahap pendidikan masyarakat sekitarnya yang relatif tinggi. Keadaan ini selaras dengan kedudukan masjid-masjid tersebut di kawasan perumahan dan komersial eksklusif di Kuala Lumpur, sebuah bandar kosmopolitan yang menjadi pusat perdagangan dan ekonomi negara.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Artikel ini membincangkan empat dimensi utama yang saling berkait. Pertama, analisis terhadap subjek pengajian agama di masjid yang memperlihatkan ketidakseimbangan antara subjek tradisional seperti fardu ain dan ritual (amalan) berbanding subjek kontemporari yang menyentuh isu semasa. Kedua, ketidakseimbangan ini menimbulkan persoalan, bagaimana pengurusan hal ehwal Islam menyelaraskan dan menyusun dominasi (penguasaan) subjek tradisional dan sejauh mana strategi yang digunakan dapat memperkukuh kelas pengajian yang lebih relevan dengan realiti masyarakat moden semasa. Ketiga, perbincangan juga merangkumi persoalan bagaimana pengaruh modenisasi “secara senyap” mengehadkan agama kepada ruang peribadi sahaja yang terbatas dan bersifat ritual semata-mata, sehingga membentuk persepsi bahawa agama hanya berfungsi secara tradisi iaitu dalam dimensi peribadi sahaja. Keempat, kajian menilai persiapan pengurusan hal ehwal Islam untuk terus relevan dalam menguruskan agama dalam konteks yang lebih luas dalam era Malaysia moden, sekali gus menjamin kedudukan Islam terpelihara.

Pengurusan hal ehwal Islam yang dimaksudkan ialah para agamawan yang berkhidmat di agensi agama dan juga di masjid-masjid berkenaan. Dalam konteks Malaysia ialah negara pascakolonial, kerangka pentadbirannya diwarisi daripada penjajah berasaskan falsafah moden sekular (Shamsul, 1996; Aziz, 2016). Malaysia tidak sepenuhnya mengikut definisi sekularisme klasik Barat, yang memisahkan agama dan negara secara mutlak (Hoffstaedter, 2011). Walaupun Agama Islam diberi kedudukan dalam Perlembagaan Persekutuan, adakah kedudukan itu menjamin agama berkembang secara menyeluruh dengan kata lain dalam ruang peribadi dan ruang awam?

Menurut Zulkiple et al. (2023) dan Aziz (2016) Struktur pengurusan hal ehwal Islam yang tersusun di peringkat persekutuan dan negeri menunjukkan keunikan landskap pentadbiran negara, namun cabaran yang dihadapi bukan sahaja bersifat dalaman, tetapi turut melibatkan faktor luaran seperti politik identiti, globalisasi, kepelbagaian masyarakat majmuk, serta ancaman falsafah sekularisme Barat. Aemy Elyani et al. (2024) menegaskan bahawa peranan PHEI sebagai pemegang amanah penyebaran nilai agama adalah signifikan, namun mereka perlu lebih tangkas dan responsif dalam menghadapi cabaran semasa seperti pengaruh media sosial dan kekurangan kefahaman silang agama.

Walaupun institusi agama telah memainkan peranan penting sejak era pra-kemerdekaan, keraguan dan kritikan awam terhadap keberkesanannya masih wujud, termasuk isu kelewatan tindakan terhadap ajaran sesat, penyalahgunaan kuasa, dan pengurusan pensijilan halal. Sejauh mana pengurusan hal ehwal Islam mampu mengangkat peranan mereka sebagai pemikir dasar dan agen perubahan dalam kerangka negara moden yang masih bergelut dengan warisan sekular?

1. Agama Antara Tradisi dan Ritual

Persoalan utama, bagaimanakah agama Islam seharusnya diamalkan dan difahami? Adakah memadai sekadar memahami secara tradisi dan melakukan pengulangan amalan ritual rutin harian, mingguan, bulanan dan tahunan sahaja? Scott & Marshall (2009) menjelaskan bahawa amalan ritual merujuk kepada corak tingkahlaku yang berulang, dilaksanakan pada waktu tertentu, dan sering melibatkan penggunaan simbol-simbol yang membawa makna. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2025) pula mentakrifkan ritualisme sebagai amalan melaksanakan ritual dalam majlis keagamaan secara berterusan dan formal. Secara ringkas, *ritual* ialah tatacara dalam upacara keagamaan atau adat, manakala *ritualisme* ialah kecenderungan mengamalkan ritual secara berterusan dalam majlis keagamaan.

Hobson et al. (2017) pula menambah bahawa ritual ialah tindakan berulang yang tidak menghasilkan kesan fizikal langsung, tetapi memberi kesan psikologi dan sosial seperti mengukuhkan makna, mengawal emosi, dan membina hubungan sosial. Ritual menjadikan tindakan biasa sebagai simbolik dan bermakna melalui pengulangan. Fenomena ini semakin ketara apabila wacana institusi negara turut mengabsahkan kedudukan Islam secara formalistik. Selari dengan kenyataan Ketua Hakim Negara dan beberapa penghakiman terdahulu sering mentakrifkan Islam hanya sebagai agama ritual dan upacara rasmi, bukan sebagai kerangka nilai yang mampu mengatasi sistem perundangan sekular (Suffian Hashim, 1962; Ahmad Ibrahim, 1985; Fernando, 2006 dalam Abdul Hamid, 2022).

Kenyataan di atas juga dapat dilihat daripada kenyataan Martin (2014) yang menegaskan bahawa, agama telah beralih daripada kedudukan pusat (penting) dalam masyarakat kepada kedudukan pinggir. Sains menggantikan kepercayaan agama, dan agama akhirnya terasing daripada ruang awam serta menjadi urusan peribadi semata-mata. Beliau turut menyatakan bahawa sebagai sebahagian daripada proses pemodenan Barat, semua masyarakat akan mengalami proses sekularisasi. Agama tidak lenyap, tetapi akan diprivatisasikan dan kehilangan peranan dalam wacana awam. Al-Attas (1993) menekankan bahawa dalam peradaban Barat, agama tidak pernah berakar sebagai *Dīn*, iaitu cara hidup yang menyeluruh. Ini berpunca daripada kecenderungan Barat yang berlebihan terhadap dunia dan kesibukan memikirkan nasib manusia secara sekular semata-mata. Dengan kata lain, agama hanya dilihat sebagai budaya atau amalan tradisi yang terhad kepada ritual semata, seperti pergi ke gereja atau menyambut hari natal.

Dalam konteks kajian ini, timbul kebimbangan dan persoalan, adakah kefahaman dan pengamalan agama Islam turut terperangkap dalam situasi ini? Adakah ritualisme semakin membarah akibat keasyikan para agamawan yang hanya tertumpu kepada perbahasan hukum-hakam dalam perkara cabang (*furū`*) sahaja, sehingga agama dilihat penting dalam ruang lingkup peribadi tetapi belum mencakupi realiti sosial, politik dan budaya semasa? Realiti ini semakin mencabar dalam arus modenisasi, kesan industrialisasi, dan kemunculan cabaran baharu seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*). Sewajarnya, kefahaman dan pengamalan ajaran Islam tidak harus terperangkap dalam pengajaran yang terlalu mikro, sekadar pemantapan keimanan secara peribadi. Sebaliknya, perlu lebih realistik, meluas dan melebar, dengan mengambil kira persekitaran semasa yang saling bersilang memberi kesan kepada kefahaman dan pengamalan agama itu sendiri.

2. Kajian Jadual Subjek Kelas Pengajian Agama

Kajian ini ialah suatu analisis terhadap 135 subjek agama di empat masjid seperti yang dinyatakan sebelum ini. Kajian ini tidak bertujuan untuk membuat generalisasi terhadap keseluruhan subjek pengajian agama di masjid bandar di Malaysia, tetapi bertujuan untuk meneliti secara mendalam corak dan pilihan subjek-subjek pengajian agama di masjid-masjid tersebut dalam menghadapi cabaran semasa khususnya modenisasi. Taburan subjek pengajian agama di empat buah masjid berkenaan seperti di Jadual di bawah:

Jadual 1. Senarai Masjid

Bil	Masjid	Jumlah Subjek
1	Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	16
2	Masjid Saidina Umar AL-Khattab, Taman Tun Dr.Ismail, Damansara	30
3	Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq , Bangsar	25
4	Masjid Taqwa Taman Tun Dr.Ismail, Damansara	64
Jumlah		135

3. Pembinaan Kod dan Kategori

Pengekoden 135 subjek dibahagikan secara manual kepada 8 Kod Kategori Subjek (Kod1-K8) dengan melihat ciri-ciri yang sama. 8 kod kategori bidang merupakan kategori bidang yang biasa dalam kategori bidang-bidang pengajian agama seperti di Jadual 2.

Jadual 2. 8 Kod Kategori Bidang

Kod	Kategori Bidang	Subjek
K1	Hadis Nabawi	Mustika Hadis, Hadis & Akhlak, Hadis & Akidah/Akhlak, Kitab Hadis Bahrul al-Mazi, Hadis-hadis Hukum, <i>Bulugh al-Maram</i> (Hadith Ahkam), 40 Hadith Sahih Kisah Ghaib & Ajaib, Kitab 40 Hadith Fardu 'Ain, Kitab 40 Hadith Akhlak Mulia, Hadith Jibril, Hadith Qudsi Pilihan, <i>Riyadhus Solihin</i> , Kitab <i>Musnad Abu Hurairah RA</i> , , Kitab <i>Bidayatul Hidayah</i> , Kitab <i>Furu' Masail</i> ,
K2	Tafsir al-Quran	Tafsir as-Sya'rawi, Tafsir al-Quran, Tafsir <i>Nurul Furqan</i> , Talaqqi al-Quran, Tahsin al-Quran, Tafsir dan Tadabbur Ayat Pilihan, Syamil al-Quran, Konsep Kehidupan Dalam al-Quran, Tafsir al-Quran Mengikut Konteks & Aplikasi Semasa
K3	Tasawuf	Kitab Tasawuf <i>al-Hikam</i> , Tasawuf & Hikmah, Tasawuf & Adab, Tasawuf, Akhlak & Ilmu, Tasawuf Peringatan/Penyesatan, <i>Tazkiyatun Nafs</i> , Kitab Mutiara <i>Tasawuf, Ihya' 'Ulumuddin</i> , Kitab <i>Qalbun Salim</i> (Penawar Bagi Hati), Kitab Tasawuf,
K4	Aqidah	Kematian dan Hari Akhirat, Talbis Iblis, Akidah Hari Akhirat, Aqidah, Kitab <i>Akidah Islamiyyah</i> , Kitab <i>al-Kabair</i> (Dosa-Dosa Besar)
K5	Sirah	Fiqah al-Sirah, Sirah & Syamil, Sirah Nabawiyah, Sirah Sahabat & Akhlak, Sejarah Umat Islam, Perjalanan Sejarah Rasulullah, Ar-Raheeq al-Makhtum (Sirah Nabawiah), Seni Interaksi Rasulullah, <i>Syamil Muhammadiah</i> , <i>Qisasul Al-Anbiya'</i> , Kehidupan Sahabat, Kisah Para Anbiyak
K6	Ibadah	Amalan Disukai Nabi, Amalan Disukai Rasulullah, Fiqah Amali & Akhlak, Fiqah Mazhab, Khusus Dalam Solat, <i>Fiqah al-Muamalah</i> , Sunnah-Sunnah 'Rare', Amalan Orang Soleh Menjaga 7 Pancaindera
K7	Dakwah	Tazkirah Jumaat, Ceramah Khas, " <i>Istiqamah Karomah</i> ", <i>Baldatun Thoyyibah</i> , Anak Kunci Syurga, Nasihat Agama dan Iman, Bersama Mufti, Bicara Mufti, Serah Padanya Terang Selamanya, Bacaan Yasin, Di Ambang Ramadhan, Kitab ar-Rahiq al-Makhtum, <i>Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur</i> , <i>Silaturrahim</i> , Majlis Bacaan Yasin, Tahlil Arwah & Doa Selamat, Aku Muslim Sunni, Kitab Bimbingan al-Mukminin, , Indahnya Hidup Bersyariat, Istiqamah Adalah Sebaik-Baik Karomah, Al-Adab al-Mufrad, Ilmu Faraid & Pengurusan Harta
K8	Isu Kontemporari	Fiqah Semasa, Tafsir Kontekstual, wacana bersama mufti, falsafah ilmu, pengurusan harta, maqasid syariah, Fiqah Semasa & Isu Kontemporari

Daripada kod-kod Subjek Utama d atas, berikut adalah pecahan jumlah subjek mengikut kod-kod Subjek Utama dari K1-K8. Pecahan subjek tersebut dimasukkan ke dalam tema-tema berpandukan kepada isi kandungan subjek. Sebagai contoh, Kod K1 mengumpulkan subjek-subjek yang bertemakan pengajian hadis, tentang adab dan hikmah seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3. Pecahan jumlah subjek berdasarkan lapan kod kategori bidang

KOD	MWP (16)	MASUA (30)	MSAB (25)	MTQ (64)
K1	6	8	5	12
K2	2	2	4	6
K3	4	6	4	8
K4	3	5	3	5
K5	3	6	4	6
K6	2	5	4	12
K7	2	4	5	10
K8	0	1-2	0	2-3

Dapatan dari Jadual 1 dan Jadual 2 di atas menunjukkan hampir keseluruhan pengajian agama berada dalam lingkungan subjek-subjek tradisional, di mana 90 ke 95 peratus subjek menjurus kepada subjek tradisi dan amalan ritual pembersihan kerohanian individu, pembentukan akhlak, nasihat, dan sirah. Tidak terdapat juga topik-topik dan subjek dalam perbincangan semasa dan kontemporari tentang realiti moden, demokrasi, sains sosial, ekonomi, hak minoriti, dasar awam dan epistemologi moden sekular.

Daripada 8 Kod bidang subjek pengajian agama, pengkaji mengklasifikasikan 2 Kod secara tematik, kepada dua kategori besar iaitu Kod A sebagai Kod Subjek Tradisional (Kod T) dan Kod B sebagai Kod Subjek Kontemporari (Kod M) seperti jadual berikut:

Jadual 4. Kod (A) Subjek Tradisional

KOD T	TRADISI
T1	Pengajian berkitab ilmu Hadis & Kitab Turath
T2	Pengajian berkitab ilmu Tafsir & Tadabbur al-Quran
T3	Pengajian berkitab Tasawuf, Akhlak & Hikmah
T4	Pengajian Sirah Nabawi, Kisah Nabi & Sahabat
T5	Pengajian Fiqah Ibadah dan Solat, Kematian
T6	Amalan Harian (Yasin, Tahlil, Solat Sunat, dan lain-lain.)
T7	Dakwah, Tazkirah Umum & Motivasi


Jadual 5. Kod (B) Subjek Kontemporari

KOD T	KONTEMPORARI
K1	Tafsir Kontekstual & Aplikasi Semasa
K2	Fiqah Semasa & Isu Kontemporari
K3	Isu Sosial, Ekonomi & Masyarakat
K4	Epistemologi, Pemikiran & Falsafah Islam
K5	Kepimpinan, Reformasi & Pembangunan Insan
K6	Wacana Interdisiplin (agama dan sains, isu-isu gender, dasar awam dan lain-lain.)

Daripada pecahan kod dan tema di atas, jumlah pecahan subjek Tradisional dan Subjek Kontemporari menunjukkan peratusan subjek kontemporari adalah sangat kecil dan rendah seperti jadual di bawah:

Jadual 6. Pecahan Subjek Kod T (Tradisional) dan Kod K (Kontemporari)

Masjid	Bil. Subjek	Tradisional (T1-T7)	Kontemporari (K1-K6)	% Tradisional	% Kontemporari
Masjid Wilayah Persekutuan	16	15	1	94%	6%
Masjid Sayidina Umar al-Khattab	30	27	3	90%	10%
Masjid Abu Bakar As-Siddiq	25	20	5	80%	20%
Masjid Takwa TTDI	64	58	6	91%	9%



Rajah 1. Pecahan Subjek Tradisi dan Kontemporari

Berdasarkan rajah di atas, jelas menunjukkan jadual subjek pengajian agama kontemporari sangat rendah. Hanya 15 (11.1%), berbanding 120 (89%) subjek tradisional dan ritual. Analisis ini dapat memberi kefahaman fokus dan tema subjek yang dipilih serta menilai sejauh mana subjek-subjek tersebut menjawab keperluan masyarakat Islam bandar yang berhadapan dengan cabaran khususnya modenisasi dan pelbagai dimensi kehidupan kontemporari. Dapatan ini, memberi interpretasi awal kelas pengajian agama di masjid bandar besar tidak seimbang, Subjek-subjek yang dipilih masih sangat berorientasikan tradisional seperti akidah, fikah, akhlak dan turath (pengajian berkitab khusus) berbanding dengan subjek kontemporari seperti isu semasa, falsafah moden, ekonomi Islam dan sosiologi agama sangat kecil.

Masjid Abu Bakar As-Siddiq menunjukkan kecenderungan paling tinggi kepada kontemporari (20%), berbanding masjid lain yang hanya sekitar 6 - 10%. Manakala Masjid Takwa TTDI mempunyai bilangan subjek paling banyak (64), tetapi tetap dominan tradisional (91%). Tuntasnya, dapatan utama yang boleh dikatakan sebagai trend umum bahawa subjek tradisional mendominasi hampir semua masjid (lebih 80%). Namun jika dilihat kepada masjid dengan kepelbagaian tertinggi iaitu Masjid Abu Bakar As-Siddiq mencapai sehingga 20% pengajian subjek kontemporari. Perbezaan dapatan antara masjid boleh disimpulkan bahawa wujud implikasi dengan jurang besar antara pengajian tradisional dan kontemporari. Ini agak membimbangkan dan menunjukkan masjid belum menjadi pusat wacana yang responsif terhadap isu modenisasi dan sekularisasi berdasarkan jadual subjek yang ditawarkan melalui program pengajian agama.

Pengkaji berpendapat, dominasi subjek tradisional sebanyak (88.9%) boleh mengabsahkan, bahawa masjid masih berfungsi sebagai pusat ibadah dan pengajian asas. Disinilah perlunya kesedaran, supaya transformasi pengurusan hal ehwal Islam perlu mengubah paradigma masjid daripada sekadar tempat ritual kepada pusat ilmu yang responsif terhadap isu semasa oleh pengurusan hal ehwal Islam boleh membuat garis panduan untuk keseimbangan subjek., dan menganalisis jurang antara visi dasar yang lebih inklusif dan kontemporari serta dan realiti pelaksanaan yang bersifat tradisional dan ritual dengan lebih kerap.

Fenomena ini memperlihatkan berlakunya reduksi agama kepada ritual, seperti yang ditegaskan oleh al-Attas (1993) bahawa modenisasi yang terpisah daripada wahyu dan nilai agama berpotensi melahirkan bentuk penghayatan agama yang terfragmentasi, sekali gus melemahkan peranan agama sebagai panduan hidup yang menyeluruh dan bermakna dalam masyarakat moden. Martin (2014) turut menegaskan amalan beragama bercorak ritualistik adalah produk modenisasi dan sekularisasi yang semakin membarah.

Kajian ini mencadangkan quota kurikulum masjid bandar diimbangkan dengan 70% subjek pengajian tradisi dan 30% subjek kontemporari. Pengurusan masjid disaran membangunkan modul audit sendiri subjek, bekerjasama dengan pengurusan hal ehwal Islam dan institusi pengajian tinggi, serta melaksanakan penilaian impak terhadap keberkesanan pengajian. Kesimpulannya, ketersediaan data dan jadual pengajian yang konsisten daripada masjid boleh diakses, membolehkan kajian boleh dilakukan secara lebih tersusun dan sistematik. Program pengajian agama yang dijalankan adalah tetap, berjadual dan menyentuh pelbagai kitab tradisional, menjadikannya sesuai untuk dinilai dalam konteks wacana keilmuan kontemporari.

3. Modenisasi Suatu Ancaman Senyap

Modenisasi merupakan teori agenda pembangunan negara Shamsul dan Aziz (2004). Falsafah teori modenisasi telah dinormalisasi sehingga kita menerima moden sebagai cara hidup. Namun, dari sudut epistemologi, modenisasi mengandungi karektor menyisihkan peranan agama, dan hal ini menjadi ancaman senyap yang berpotensi melunturkan autoriti agama dalam masyarakat beragama. Cabaran pemikiran kontemporari, seperti liberalisme, sekularisme, dan hedonisme, telah memberi impak besar terhadap umat Islam pada era moden ini (Mohd Hidayat et.al 2025)

Dalam bidang sosiologi, modenisasi merujuk kepada proses transformasi daripada masyarakat tradisional (kampung), luar bandar, dan berasaskan pertanian kepada masyarakat sekular, bandar, dan berasaskan perindustrian (Shapiro, 2025). Pemodenan juga didefinisikan sebagai proses menjadi moden, iaitu peralihan daripada bentuk kehidupan tradisional kepada bentuk kehidupan yang lebih kompleks, rasional, dan berorientasikan teknologi (Encyclopaedia Britannica, 2025). Modenisasi juga ialah buah ranum sekularisme.

Menurut Kamus Cambridge, sekularisme ialah satu kepercayaan bahawa agama tidak seharusnya terlibat dalam aktiviti sosial dan politik sesebuah negara secara rutin. Asas sekularisme terletak pada

pemisahan agama dan negara melalui prinsip tidak campur tangan kumpulan agama dalam urusan kenegaraan, dan sebaliknya negara tidak mencampuri urusan agama (Siti Norhanani et.al. 2023). Dalam negara ini, proses ini dapat dilihat melalui perubahan daripada kehidupan desa kepada kehidupan bandar.

Peralihan ini bukan sekadar perubahan geografi, tetapi turut mengubah ciri-ciri sosial dan budaya masyarakat. Masyarakat kampung berubah kepada masyarakat bandar yang berasaskan kerja-kerja industri, membawa bersama nilai dan norma baharu yang sangat berbeza daripada nilai kekampungan, termasuk orientasi terhadap kebendaan (materialisme), kepentingan diri (individualisme), dan rasionalisme sekular. Inilah yang dinyatakan sebagai ancaman senyap mengikis peranan agama dalam masyarakat secara beransur-ansur, dan akhirnya terpinggir. Kolonialisme membawa masuk idea modenisasi sebagai asas agenda pembangunan negara yang bukan sahaja merangkumi bidang politik, ekonomi, dan pendidikan, tetapi turut membentuk struktur sosial masyarakat moden seperti dinyatakan oleh Wan Hashim (1983) dalam Rahman (2005) dan (Aziz 2016).

Moore (1963) dalam Rahman (2005) menegaskan bahawa masyarakat moden cenderung meniru model Barat dengan menekankan perindustrian sebagai indeks kemajuan. Pembangunan ekonomi yang berjaya juga menuntut perubahan nilai dan struktur sosial yang tidak dapat dipisahkan daripada soal budaya dan agama. Alatas (1986) pula menampilkan definisi modenisasi yang lebih neutral sebagai penyebaran pengetahuan saintifik moden demi mencapai kehidupan yang lebih baik. Namun begitu, pengkaji berpendapat pengetahuan ini boleh mencetuskan pertembungan peradaban.

Rahman (2005) mengingatkan bahawa modenisasi tidak semestinya membawa kualiti hidup yang lebih baik, malah boleh menimbulkan ketidakseimbangan seperti jurang ekonomi dan sosial antara kaum, yang terbukti dalam kes jurang pencapaian pendidikan antara Melayu dengan bukan Melayu di Malaysia. Said (1994) dalam Aziz (2016) pula menegaskan bahawa kegagalan umat Islam mengadaptasi cabaran sekularisme moden adalah akibat imperialisme budaya Barat yang mencorakkan pemikiran umat Islam. Di Malaysia. Gaya hidup moden turut dipengaruhi oleh teori pertumbuhan ekonomi yang menekankan metrik material mengatasi nilai rohani dan budaya (Preston, 1996).

Menyedari cabaran ini, maka Tun Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri keempat memperkenalkan modul kesedaran menerusi Biro Tata Negara (BTN) dengan mengangkat nilai keislaman seperti *Islam sebagai ad-deen*, akhlak, konsep *al-falah*, ibadah, dan isu-isu semasa dalam Islam yang disasarkan kepada pemimpin masyarakat, belia, pegawai awam, dan eksekutif sektor swasta (Rahman 2005). Ini merupakan langkah penting untuk mengimbangi kesan modenisasi yang mendominasi pemikiran pembangunan negara.

Barat juga turut mengkritik moden melalui Bauman (2000) menentang Konsep *Liquid Modernity* yang merupakan kritikan mendalam terhadap andaian bahawa modenisasi membawa perubahan yang bersifat linear, progresif dan pasti. Menurut Bauman, kemodenan kontemporari tidak lagi berakar pada struktur sosial yang tetap atau nilai-nilai kolektif yang stabil, sebaliknya telah berubah menjadi satu bentuk “kecairan *existential*” yang menunjukkan ketidaktentuan, ketidakstabilan dan kehilangan arah. Maka, modenisasi dalam kerangka ini tidak dapat dianggap sebagai proses kemajuan mutlak, tetapi perlu dilihat sebagai proses pencairan nilai dan institusi, yang mengundang krisis kemanusiaan dan spiritual (aspek ketuhanan). Dalam konteks ini, liberalisme menjadi ancaman epistemologi dan sosial yang mencairkan asas institusi manusiawi, selari dengan gagasan *liquid modernity* (Bauman 2023).

Al-Attas (1993) menegaskan bahawa kemodenan Barat yang berasaskan sekularisme telah membawa kepada proses *desakralisasi* (proses menyalahkan kesucian atau menghilangkan unsur sakral (suci) ilmu dan kehidupan, sekali gus menyebabkan kehilangan adab dalam masyarakat moden. Al-Attas (1993) juga menekankan bahawa *desekularisasi* ilmu (proses memisahkan agama daripada urusan dunia) iaitu usaha membuang pengaruh sekular daripada struktur dan makna ilmu dan merupakan keperluan mendesak dalam usaha mengembalikan makna kebenaran yang sejati. Proses ini perlu dilakukan melalui Islamisasi ilmu, yang bukan sekadar menukar istilah atau kandungan, tetapi melibatkan kesedaran mendalam terhadap peranan agama sebagai asas epistemologi, sumber nilai, dan panduan kehidupan.

Dalam konteks Malaysia moden, para agamawan perlu memahami secara mendalam kesan modenisasi sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Attas. Modenisasi yang berasaskan sekularisme bukan sahaja berpotensi menggugat struktur masyarakat, tetapi juga boleh menjadi ancaman besar terhadap kefahaman epistemologi

agama yang menjadi asas pembinaan tamadun. Al-Attas menekankan bahawa modenisasi yang terpisah daripada wahyu dan nilai agama akan membawa kepada desekularisasi ilmu, kehilangan adab, dan kekeliruan makna kebenaran.

Oleh itu, menjadi kewajipan para agamawan untuk menguruskan hal ehwal Islam dengan lebih berkesan, bukan sekadar dari sudut pentadbiran, tetapi juga dari segi pemikiran dan kefahaman yang mampu menangani cabaran modenisasi secara bijaksana melalui pengukuhan adab, pemulihan makna ilmu, dan pengembalian agama sebagai asas utama dalam tata kelola kehidupan masyarakat Malaysia yang semakin kompleks.

6. Pengurusan Hal Ehwal Islam Dalam Era Malaysia Moden

Pengurusan hal ehwal Islam mesti menyatukan nilai rohaniah dengan keperluan kehidupan moden yang mencabar, serta memiliki keupayaan intelektual dan strategik untuk membentuk wacana pembangunan nasional bersama masyarakat. Ia tidak seharusnya terhad kepada fungsi ritual seperti pengeluaran hukum hakam, fatwa, dan pengurusan ibadah semata-mata, tetapi perlu bergerak ke arah peranan yang lebih strategik dan berimpak tinggi.

Melalui kajian ini, pengurusan hal ehwal Islam perlu memastikan pengajian agama di masjid perlu bersifat seimbang dan holistik. Bukan sahaja bertujuan memantapkan aspek akidah, fikah, akhlak, dan asas ilmu Islam bagi pembentukan peribadi Muslim, tetapi juga harus diperluas kepada dimensi yang berkait rapat dengan realiti semasa umat Islam. Hal ini termasuk kemampuan menghadapi idea dan falsafah modenisasi serta sekularisasi yang telah menjadi kerangka dominan dalam sistem dunia hari ini. Tanggungjawab ini terletak di bahu para agamawan, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan hal ehwal Islam. Agamawan perlu bersikap realistik bahawa umat Islam kini hidup dalam denyut nadi moden dan sekular. Justeru, wacana tentang kemodenan dan sekularisme perlu dijadikan subjek penting dalam pengajian dan pengurusan hal ehwal Islam agar agama terus relevan dan berautoriti dalam memandu masyarakat ke arah kesejahteraan.

Menurut Abdul Hamid (2017), pengurusan hal ehwal Islam mesti memahami konteks sejarah pascakolonial secara mendalam. Aziz (2016) pula menegaskan bahawa kuasa Barat telah meninggalkan “buah tangan” penjajahan kepada negara-negara Muslim yang baru merdeka, termasuk mencorakkan cara fikir dan orientasi pembangunan pasca kemerdekaan. Dalam keadaan ini, elit pemerintah sering terperangkap dalam dilema epistemologi di mana di satu sisi teruja mengurus negara berasaskan model kemodenan yang diwarisi penjajah, namun di sisi lain bergelut menyesuaikan sistem tersebut dengan nilai dan tradisi Islam tempatan. Akhirnya, mereka tetap bergantung kepada ilmu dan struktur pemikiran “tuan” yang pernah menjajah mereka (Aziz, 2016). Fox (2002) turut mencatatkan bahawa antara kesan utama modenisasi ialah kemunculan gaya hidup moden yang menghakis peranan agama dalam ruang awam. Dalam masyarakat moden, agama sering dianggap tidak relevan kerana nilai-nilainya dilihat tidak sejajar dengan rasionalisme sekular dan kebebasan individu yang menjadi teras kemodenan.

Dalam falsafah moden, manusia moden (*the modern man*) dilihat sebagai subjek autonomi yang menentukan hala tuju hidup tanpa keterikatan kepada agama, dan sudah tentu falsafah ini memberi kesan dengan melunturkan autoriti dan peranan agama dalam ruang awam (Aziz 2016). Modenisasi turut menghasilkan naratif halus yang sering menempatkan agama sebagai punca konflik di mana agama sebagai faktor masalah, bukan penyelesaiannya. Ironisnya, naratif ini bertentangan dengan idea liberalisme yang diangunkan oleh Barat sendiri, yang menuntut kebebasan individu sebagai prinsip mutlak (Fawcett, 2014).

Menurut al-Attas (1993), apabila agama tidak lagi berakar pada kefahaman yang sahih, maka wacana keagamaan berserakan kepada tahap yang membimbangkan yang berpotensi menimbulkan kekeliruan yang merugikan umat. Kekeliruan ini bukan sahaja datang dari luar, kalangan pembuat dasar, golongan intelektual sekular, atau media massa tetapi juga berlaku dalam kalangan agamawan sendiri. Kekeliruan di antara salah satunya ialah dalam menentukan makna agama secara peribadinya atau menentukan apakah peranan agama dalam struktur masyarakat (Fox 2002).

Justeru, reformasi pengurusan hal ehwal Islam diperlukan, bagi mengelak daripada naratif bahawa agama dipinggirkan daripada dasar awam. Naratif ini merupakan gambaran palsu yang berakar dari sejarah

Eropah tetapi telah dibawa masuk ke dalam wacana negara-negara Muslim, termasuk Malaysia. Hal ini menepati Abdul Hamid (2017) yang menjelaskan bagaimana Barat, mereka juga sangat berhati-hati dan mengetahui terhadap kerosakan sampingan yang berlaku kepada masyarakat mereka akibat dominasi norma sekular berbanding norma Islam dalam semua aspek kehidupan kecuali yang berkaitan dengan ritual keagamaan dan amalan ibadah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan terdapat keperluan mendesak untuk mereformasi pengurusan hal ehwal Islam agar pengajian agama di masjid dilaksanakan dengan lebih tepat dan relevan dalam konteks Malaysia moden. Jurang yang ketara antara pengajian subjek tradisional dan ritual berbanding subjek kontemporari menuntut perhatian serius. Reformasi pendidikan agama Islam di masjid perlu berasaskan kerangka epistemologi yang jelas, iaitu memahami kedudukan agama dalam konteks negara moden yang sarat dengan pengaruh sekularisme. Pendidikan Islam mesti berpaksikan kepada adab, nilai dan akhlak, bukan sekadar ritual atau pengulangan tradisi (Al-Attas, 1993).

Keberkesanan pengajian agama di masjid tidak boleh bergantung kepada andaian, tetapi mesti diukur melalui mekanisme pemantauan berkala yang konsisten. Proses ini perlu disokong oleh pengauditan program yang setara dengan audit pematuan pelaporan kewangan masjid kepada pihak berautoriti. Penilaian impak hendaklah berasaskan data empirikal seperti, kadar kehadiran peserta sepanjang tempoh program, tahap kepuasan peserta melalui soal selidik dan literasi agama kontekstual, diukur melalui instrumen pra dan pasca program. Reformasi ini menuntut penglibatan pelbagai pihak, termasuk Institusi pengajian tinggi untuk sokongan akademik dan kajian impak. Agensi pusat seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu membantu bersama komuniti profesional, korporat, kelas menengah dan belia bagi menjadikan masjid sebagai hab ilmu dan etika, bukan sekadar pusat ibadah ritual.

Guru-guru agama perlu diberikan latihan dan kefahaman supaya pengajaran di masjid menjadi lebih dinamik, praktikal, dan realistik. Pengurusan hal ehwal Islam mesti berpijak di bumi nyata dengan memberi fokus kepada menjadikan masjid sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang mampu membimbing masyarakat menghadapi cabaran semasa yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam, membawa kepada krisis moral dan sosial yang memerlukan penyelesaian berasaskan agama Al-Attas (1993) dalam Mohd Hidayat et.al (2025) sekali gus mengintegrasikan indikator keberkesanan pengajian agama dan bergerak daripada model pentadbiran tradisional kepada model berasaskan ilmu, nilai dan kesedaran, selaras dengan tuntutan masyarakat bandar yang kompleks dan dinamik.

Penghargaan: Kami mengucapkan terima kasih kepada penilai artikel Pengerusi, Panel dan Wasit Bengkel Penerbitan Jurnal Terindeks Q1- Q2, Pusat Kajian SEEDS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah memberikan cadangan untuk penambahbaikan dan pembiayaan artikel ini. Terima kasih juga kepada Ustaz Mohd Faizul bin Razali, Pegawai Tadbir Agama (PTA) Zon 6, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak memiliki sebarang konflik kepentingan berkaitan kajian ini

Rujukan

- Abdul Hamid, A. F. (2011). *The challenge of pluralism and the middle position of Islam in Malaysia*.
 Al-Attas, S. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
 Al-Qaradawi, Y. (1992). *Wawasan Islam antara keaslian dan kemodenan* (Terj.). Thinker's Library Sdn. Bhd.
 Alatas, S. H. (1986). *The problem of corruption*. The Other Press.
 Aemy Elyani Mat Zain, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Safinah Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, & Fatin Farzana Dass Meral. (2024). Isu antara agama: Sorotan awal kemerosotan toleransi agama di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Islam Selangor*.
 Asad, T. (2003). *Formations of the secular: Christianity, Islam, modernity*. Stanford University Press.

- Aziz, A. (2016). Religious and secular issues in Malaysia's socio-political space. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(14), 1–10.
- Aziz, A., & Shamsul, A. B. (2004). The religious, the plural, the secular and the modern: A brief critical survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3), 341–356.
- Bauman, Z. (2000). *Liquid modernity*. Polity Press.
- Encyclopaedia Britannica. (2025, November 5). Retrieved from <https://www.britannica.com>
- Fawcett, E. (2014). *Liberalism: The life of an idea*. Princeton University Press.
- Fox, J. (2015). *Ethnoreligious conflict in the contemporary world*. Cambridge University Press.
- Hallaq, W. B. (2013). *The impossible state: Islam, shari'a, and the modernity trap*. Columbia University Press.
- Hefner, R. W. (2009). *Making modern Muslims: The politics of Islamic education in Southeast Asia*. University of Hawai'i Press.
- Hoffstaedter, G. (2013). *Secular state, religious lives: Islam and the state in Malaysia*. School of Social Science, University of Queensland.
- Hobson, N. M., Schroeder, J., Risen, J. L., Xygalatas, D., & Inzlicht, M. (2018). The psychology of rituals: An integrative review and process-based framework. *Personality and Social Psychology Review*, 22(3), 260–284. <https://doi.org/10.1177/1088868317734944>
- Huntington, S. P. (1996). *The clash of civilizations and the remaking of world order*. Simon & Schuster.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude, Muhammad Hazim Abdul Ghani, & Zainun Abidin Baharum. (2014). Kuala Lumpur dan cabaran pembangunan berterusan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*.
- Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Darwana Sdn. Bhd.
- Lungu, M. (2022). The coding manual for qualitative researchers. *American Journal of Qualitative Research*, 6(1), 45–58.
- Martin, D. (2014). *On secularization: Towards a revised general theory*. Ashgate.
- Mohd Hidayat Mahadi, Siti Sara Ibrahim, Siti Nur Husna Abd Rahman, & Siti Nadiyah Babge. (2025). Aplikasi Maqasid Shariah dalam menangani cabaran isu pemikiran kontemporari. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Preston, P. W. (1996). *Development theory: An introduction*. Blackwell Publishers.
- Rahman, A. A. (2005). The state and development planning in Malaysia. *Demokrasi*, 4(2).
- Saldaña, J. (2021). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (4th ed.). SAGE Publications.
- Scott, J., & Marshall, G. (2009). *Oxford dictionary of sociology* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Shaharudin Idrus, Abdul Samad Hadi, Abdul Hadi Harman Shah, & Siti Umira Sulaiman. (2013). Kemunculan Kuala Lumpur sebagai wilayah perbandaran mega diperluas: Menongkah daya huni dan kelestarian. *Geografi*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shamsul, A. B. (1996). *Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis*. UKM Press.
- Shamsul, A. B. (2005). Islam embedded: Religion and plurality in Southeast Asia as a mirror for Europe. *Asia Europe Journal*, 3, 159–178.
- Shamsul, A. B. (2015). *Politics of language and language of politics: Theory and practice of the "Nation-of-Intent" as articulated in Malaysia*.
- Shapiro, I., Froomkin, D., & Dahl, R. A. (2025). Democracy. In *Encyclopædia Britannica*. Retrieved August 25, 2025, from <https://www.britannica.com/topic/democracy>
- Siti Norhanani Musni, Sharifatul Nadiyah Sulim, Muhamad Helmi Md. Said, & Fatima Abdel Rahim Aliq. (2023). Secularism: Freedom of religion or freedom from religion? *Geopolitics Quarterly*, 19(Summer).
- Siti Syafira Aida Md Sukri, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2025). Pemuliharaan Masjid Lama Pengkalan Kakap, Merbok, Kedah Darul Aman. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*.
- Zulkiple Abd Ghani, Mahyuddin, M. K., Hamdani, S. M., Noor, K. M., Shaharudin, A., & Wan Muhamad Sheikh Abdul Aziz. (2023). *Pengurusan hal ehwal Islam*. USIM Press.